

**Perdana Menteri Lancar Akhbar Digital Utusan Malaysia  
Bernama  
30 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari Jumaat melancarkan akhbar digital Utusan Malaysia dengan harga langganan serendah RM20 sebulan.

Akhbar berbentuk multimedia ini menggunakan platform Window, Android dan Apple bagi membolehkan lebih banyak gambar dan video dipindahnaik serta iklan yang lebih interaktif.

Carian halaman dalaman seperti sukan dan hiburan juga dipermudah dengan pautan pantas yang disediakan dari muka hadapan akhbar digital itu, menurut Utusan Melayu (M) Bhd dalam kenyataan di sini.

Langganan boleh dibuat menerusi laman web <http://e.utusan.com.my>.

Pada majlis di Pusat Dagangan Dunia Putra itu, Najib turut melawat pameran yang dianjurkan syarikat berkenaan bertajuk "Menerajui Perjuangan Melayu: Umno dan Utusan".

Ia memberi fokus kepada laporan akhbar Utusan Malaysia berhubung perjuangan Melayu serta Umno termasuk menuntut kemerdekaan sepanjang penubuhan akhbar itu pada 1939 hingga sekarang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=712982>